

SEPTEMBER  
2020

*Aspirasi  
Keperwakilan*

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknpp.gov.my](http://www.pknpp.gov.my)



## Sembah Tahniah

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PEMANGKU RAJA PAHANG TENGGU MAHKOTA

TENGGU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH,  
DK., SSAP, SIMP.

*sempena*

MEMULIAKAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-25  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU

Pada 17 September 2020 bersamaan 29 Muharam 1442H



## MAJLIS MENGADAP KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG

*-Ketua Pegawai Eksekutif PKNP Turut  
Dijemput Mengadap*



KDYMM Pemangku Raja Pahang berkenan bergambar bersama YB Dato' Sri Norolazali serta ahli-ahli rombongan yang hadir

Kuantan, 18 September - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang hari ini berkenan menerima mengadap YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri, Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman dan Pengurusan Malaysia Rail Link.

Baginda turut berkenan mendengar persembahan taklimat daripada Pengurusan Malaysia Rail Link (MRL) berkenaan projek ECRL di Negeri Pahang yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Malaysia Rail Link (MRL), Tuan Haji Nor Rizan bin Mohd Akhir dan Pengurus Pembinaan ECRL Pantai Timur (MRL), Encik Khairi Khalid bin Abdul Rahman.

Majlis Mengadap tersebut turut disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar dan Timbalan SUK Pahang (Pembangunan), YH Dato' Razihan bin Adzharuddin.

## MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH MPWP OLEH YAB PENERGUSI PKNP

Kuantan, 4 September - YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail selaku Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) menerima replika kunci daripada Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar sebagai simbolik penyerahan rumah untuk digunakan oleh Majlis Pembangunan Wanita Pahang (MPWP) yang berlangsung di AC Hotel by Marriot, Kuantan.

Replika kunci tersebut kemudian diserahkan oleh YAB Pengerusi PKNP kepada YB Pengerusi MPWP, Dato' Sri Hajah Shahaniza bin Shamsuddin merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang.



YAB Menteri Besar Pahang merangkap Pengerusi PKNP menyerahkan replika kunci Rumah MPWP kepada YB Pengerusi MPWP

Rumah bernilai RM1.2 juta ini adalah sumbangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) kepada kerajaan Negeri Pahang dan seterusnya diserahkan kepada MPWP. Rumah MPWP akan berfungsi sebagai Woman Crisis Centre kepada golongan wanita di Negeri Pahang untuk memperkasa dan memberi ruang kepada golongan wanita ini menyumbang kepada masyarakat, negeri dan negara.

Turut hadir di majlis ini adalah YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Sallehuddin bin Ishak, Exco - Exco Kerajaan Negeri dan wakil - wakil daripada MPWP dan Pengurusan PKNP.



## YAB MENTERI BESAR PAHANG MEMPENGERUSI MESYUARAT AHLI PERBADANAN PKNP BIL 3 / 2020



CAPTION

Kuala Lumpur, 14 September - Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil. 3/2020 telah diadakan di Tamu Hotels and Suites, Kuala Lumpur bermula pada jam 2.00 petang baru-baru ini.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail yang turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Perbadanan PKNP, Timbalan Ketua Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun; dan Setiausaha Perbadanan, Datin Hajah Noraskin binti Jamaluddin.

Turut hadir, Ahli Perbadanan PKNP yang baharu dilantik YH Dato' Mohd A. Aruwan bin Ab Aziz, Pengarah Pejabat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Negeri Pahang sebagai wakil kerajaan dalam syarikat berkepentingan kerajaan (GLC) negeri Pahang.

Antara agenda mesyuarat yang dibincangkan ialah hala tuju serta prestasi senasa kewangan PKNP termasuklah membincangkan cadangan pelaburan baharu dalam beberapa projek yang berpotensi untuk diceburi PKNP.

## SAMBUTAN HARI MALAYSIA PERINGKAT NEGERI PAHANG 2020

Kuantan, 16 September - Sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pahang 2020 telah berlangsung di Dewan Institut Kemahiran Belia Negara Pekan (IKBN) baru-baru ini.

YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail telah merasmikan sambutan pada tahun ini dibuat secara sederhana bersesuaian dengan pematuhan ke atas SOP yang telah ditetapkan.

Sementara itu, YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Abdul Rahim bin Muda dalam ucapan aluannya merakamkan ucapan terima kasih kepada PKNP di atas sumbangan yang telah diberikan selama tiga tahun berturut-turut untuk penganjuran program ini.

PKNP juga turut menyertai majlis sambutan ini yang dihadiri Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun selaku wakil Ketua Pegawai Eksekutif PKNP. Turut hadir ketua-ketua jabatan negeri/persekutuan, ketua jabatan Daerah Pekan serta Persatuan/NGO.

Pada tahun Daerah Pekan, Pahang telah dipilih sebagai lokasi sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pahang 2020.



CAPTION

## LAWATAN YB AHLI EXCO MERANGKAP ADUN KERDAU KE PROJEK KEDAI RAKYAT KUALA KERDAU, TEMERLOH



CAPTION

Temerloh, 29 September - YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam dan Pendidikan Negeri Pahang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Kerdau, Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad telah mengadakan lawatan kerja ke projek Kedai Rakyat Kuala Kerdau, Temerloh, Pahang baru-baru ini.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk meninjau kemajuan pembinaan Kedai Rakyat Kuala Kerdau, mendapatkan status terkini serta menyelaras perancangan projek ini terutamanya bagi permohonan kelulusan Certificate of Completion and Compliance (CCC) dengan pihak berkuasa tempatan dan jabatan-jabatan teknikal yang terlibat.

YB Dato' Sri juga sempat mengadakan perbincangan bersama Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohd Faizal bin Jaafar serta wakil Pejabat Daerah & Tanah Temerloh, wakil Majlis Perbandaran Temerloh serta pihak kontraktor terlibat bagi memastikan kerja-kerja akhir pembinaan dapat disiapkan seperti yang dirancang.

Lawatan ini turut disertai Pengurus Bahagian Pemasaran & Pengurusan Harta, Puan Suliyati binti Abdul Rahman, Pengurus Bahagian Teknik, Tuan Haji Mohd Hasrizal bin Hasim, Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim, Pengurus Bahagian Pembangunan Hartanah, Kapten Azis bin Muhammad, Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani, Pegawai Khas Ketua Pegawai Eksekutif serta Encik Muhammad Syafiq bin Mat Ali dari Bahagian Pemasaran & Pengurusan Harta.



## LAWATAN KERJA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KE CAMERON HIGHLANDS, KUALA LIPIS DAN TEMERLOH



Taklimat ringkas di PPDD Merapoh, Kuala Lipis

Cameron Highlands, 9 September - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar telah melakukan lawatan kerja selama dua hari projek-projek PKNP di Cameron Highlands, Kuala Lipis dan Temerloh baru-baru ini.

Tujuan lawatan kerja ini diadakan adalah untuk mendapatkan status dan perkembangan terkini projek-projek PKNP di samping mengenalpasti isu-isu berbangkit yang dihadapi di kawasan tersebut. Antara projek-projek yang dilawati ialah:

- Cameron Highlands - Flat Pangsapuri Tanah Rata, Flat Jalan Lengkok Jasar, Flat di Tringkap dan Kg. Terla.
- Kuala Lipis - PPD Merapoh, Bengkel IKS, Kawasan Perindustrian Kechau Tui, dan Bandar Baharu Kuala Lipis
- Jerantut - PPD Kerambit, PPD Mela, Kedai Kuala Tembeling dan projek perumahan Taman Saujana Utama
- Temerloh - Kedai Rakyat Kerdu

Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Pemasaran & Pengurusan Harta, Pengurus Perindustrian, Pengurus Teknik, Pengurus Hal Ehwal Korporat serta Pengurus Pembangunan Hartanah.

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP HADIR MESYUARAT PENGUKUHAN PENTADBIRAN PULAU TIOMAN

Pulau Tioman, 17 September - Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohd Faizal bin Jaafar telah menghadiri mesyuarat cadangan pengukuhan pentadbiran Pulau Tioman di Bilik Mesyuarat Kastam Pulau Tioman, Kampung Tekek, Pulau Tioman baru-baru ini.

Mesyuarat yang dipengerusikan YB Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Salehuddin bin Ishak adalah untuk membincangkan kemajuan kerja cadangan Pusat Pentadbiran Tioman yang akan ditempatkan sementara di Kompleks Bebas Cukai Tioman yang dibangunkan oleh PKNP.



YB Dato' Sri SUK bergambar bersama-sama ahli-ahli mesyuarat

Pihak kerajaan negeri telah bersetuju untuk menyewa dua lot kedai di bangunan kompleks ini untuk tujuan tersebut manakala PKNP sebagai pemilik premis akan menyediakan kelengkapan yang diperlukan kepada pihak penyewa.

Turut hadir, YB Ahli Exco Kerajaan Pahang merangkap ADUN Tioman, Dato Sri, Haji Mohd Johari bin Haji Hussin, Pegawai Daerah Rompin, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Tioman (TDA) serta ketua-ketua jabatan yang terlibat.

## PKNP ATUR MESYUARAT OSA BERSAMA NANYANG GROUP SDN. BHD. BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN TIMBER HUB INDUSTRY DI NEGERI PAHANG



Mesyuarat OSA sedang berlangsung

Kuantan, 4 September 2020 - PKNP melalui Bahagian Perindustrian telah menyelaraskan satu mesyuarat One Stop Agency (OSA) bersama syarikat pelabur Nanyang Group Sdn. Bhd. bagi cadangan pembangunan Timber Hub Industry di negeri Pahang.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengurus Perindustrian, Haji Md. Daud bin Abdul Rahman ini melibatkan wakil daripada jabatan/agensi teknikal pelaburan negeri Pahang. Turut dibincangkan ialah cadangan pembangunan projek-projek lain seperti pembuatan rantai produk halal, peralatan perubatan, peralatan keselamatan dan lain-lain.

Susulan daripada mesyuarat tersebut, pihak PKNP telah menerima pelbagai ulasan penambahbaikan serta sokongan daripada jabatan/agensi teknikal yang berkaitan untuk memastikan kertas cadangan pembangunan projek oleh pihak bakal/syarikat pelabur adalah feasible dan viable sebelum pelaksanaannya direalisasikan seperti yang dirancang.

## MESYUARAT PELUANG PELABURAN DARI NEGARA BELGIUM BERSAMA TYT DUTA BESAR BELGIUM

Kuantan, 22 September - Kerajaan Negeri Pahang telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Duta Besar Belgium ke Malaysia, Mr Pascal Gregoire. Selaras dengan itu, satu mesyuarat peluang pelaburan dari Negara Belgium telah diadakan dan melibatkan semua jabatan/agensi kerajaan yang berkaitan termasuk PSK, PKNP, LKPP, PDT Kuantan, Pahang Corporation dan lain-lain.

Pada mesyuarat tersebut, PKNP telah membentangkan peluang-peluang pelaburan di kawasan-kawasan perindustrian yang berada di bawah seliaan PKNP di seluruh Negeri Pahang. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang tersebut menyaksikan TYT Duta Belgium amat berpuas hati dengan sambutan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pahang dan berhasrat untuk meneruskan kerjasama dua hala antara Negara Belgium dan Negeri Pahang yang akan memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak kelak.



# MESYUARAT AGUNG GEMAPUTERA KALI KE-26

## - Pemilihan Kepimpinan Baharu



"Untuk album" - PKNP-PKEN yang menghadiri Mesyuarat Agung Gemaputera Kali Ke-26

Shah Alam, 25 September - Mesyuarat Agung GEMAPUTERA Kali Ke- 26 telah diadakan di Ibu Pejabat PKNS baru-baru ini telah kepimpinan baharu yang akan menerajui GEMAPUTERA untuk tempoh 2020 - 2022.

Dalam mesyuarat agong tersebut, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) telah dipilih sebagai Yang Dipertua Gemaputera yang baharu. Manakala Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai Timbalan Yang Dipertua. Ahli-Tiga orang Ahli EXCO yang

dilantik ialah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES), Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).

Mesyuarat Agung juga telah bersetuju menerima dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Latihan Gemaputera bagi sesi 2018-2020 yang dipengerusikan oleh PKNP termasuklah tuntutan perbelanjaan dan pendahuluan yang perlu dibayar balik berjumlah RM13,228.80 kepada PKNP.

PKNP diwakili Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun dan Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim.

Antara keputusan Mesyuarat Agung ialah:

1. Mesyuarat bersetuju untuk menganjurkan Mini Sukan Golf pada bulan November 2020 ini di Sarawak
2. Mesyuarat bersetuju untuk menganjurkan lebih banyak Sukan Mini sekiranya penganjuran Sukan Gemaputera secara karnival tidak dapat dilaksanakan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)
3. Mesyuarat bersetuju dengan tindakan dan cadangan PKEN Perlis yang berurusan dengan EPU dan EAC bagi menganjurkan Seminar Halatuju PKEN bersama UKM

## PKNP BAKAL JALIN KERJASAMA JAYAKAN PROGRAM WARONGRIDER

Kuantan, 29 September - PKNP melalui Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan bakal menjalin kerjasama dengan syarikat Idea Creative Technology Sdn. Bhd. dalam menjayakan Program WarongRider untuk usahawan-usahawan di negeri ini.

Terbaharu, sesi perbincangan di antara PKNP, syarikat Idea Creative Technology Sdn. Bhd, wakil daripada Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Melayu Malaysia Cawangan Pahang telah diadakan bagi potensi untuk mengadakan kerjasama bersama pihak PKNP dan Kerajaan Negeri berkaitan perkara ini.



Sesi perbincangan dan pembentangan Platform WarongRider sedang berlangsung

PKNP diwakili Pengurus Pembangunan Komuniti & Keusahawanan, Encik Nasry Kassim dan Encik Muhammad Jabrul Akmal. Sesi pembentangan telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Idea Creative, Encik Mohd Nadzi Kamarulzaman.

Platform WarongRider ni merupakan servis penghantaran segala jenis barangan dengan tag linanya "Hantar apa sahaja Janji Bersih, Suci dan Halal" program ini disokong oleh pihak MEDAC. WarongRider dilihat dapat menjadi sebahagian pelengkap rantaian ekosistem keusahawanan di Negeri Pahang dan akan diuar-uarkan kepada usahawan-usahawan dan belia yang berminat.

## PUSPANITA PKNP ANJUR PROGRAM MENYEMAI KASIH WARGA EMAS

Kuantan, 25 September - PUSPANITA PKNP melalui Biro Kebajikan dan Pendidikan telah menganjurkan Program Menyemai Kasih di Rumah Kebajikan Warga Emas di Kompleks Asnaf Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Kampung Soi, Kuantan.

Dalam program tersebut, Pengerusi PUSPANITA PKNP, Puan Zuhaira Zainordin telah menyerahkan sumbangan berupa kerusi roda kepada wakil pengurusan Kompleks Asnaf MUIP, Encik Taufiq bin Ishak.



Pengerusi PUSPANITA PKNP menyampaikan sumbangan kerusi roda

Seramai 44 orang warga emas telah diraikan di dalam program ini yang terdiri daripada fakir miskin, muallaf, riqab dan fisabilillah yang turut menerima sumbangan barangan makanan di program tersebut.

### Sidang Redaksi

**Penaung / Penasihat**  
◆ Encik Mohd Faizal bin Jaafar  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Penyelaras Penerbitan**  
◆ Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

**Ketua Editor**  
◆ Puan Nor Azlin binti Ahmad

**Grafik**  
◆ Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasi  
◆ Encik Mohd Firdaus bin Abdul Hamid  
◆ Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

**Jurufoto**  
◆ Encik Saiful Azli bin Yahia  
◆ Encik Iskandar bin Abdul Samad